

NO. SOALAN: 403

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

RUJUKAN : 8037

SOALAN:

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Malaysia telah diletakkan antara negara yang tinggi terlibat di dalam pemerdagangan orang, sehingga tahun 2014 berapa kes tangkapan dan didakwa di mahkamah ke atas penjenayah pemerdagangan orang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Sejak dikuatkuasakan sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 1,238 tangkapan melibatkan 898 kes pemerdagangan orang telah berjaya dibuat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 602 kes pemerdagangan orang yang telah dituduh di bawah ATIPSOM 2007.

Daripada jumlah 602 kes tersebut, 130 kes telah disabitkan oleh mahkamah. Hukuman yang telah dikenakan terhadap tertuduh adalah hukuman penjara di antara 3 hingga 10 tahun. 138 kes pula telah dilepaskan dan dibebaskan, 48 kes dilepaskan tanpa dibebaskan (DNA) dan 286 kes masih dalam perbicaraan.